



12 SEP, 2020

## COVID-19: MPT tutup aktiviti pasar malam serta merta

New Sabah Times Bahasa (KK), Malaysia

Page 1 of 2

## COVID-19: MPT tutup aktiviti pasar malam serta merta

**OLEH NAZRINI BADARUN**

TAWAU: Majlis Perbandaran Tawau (MPT) memutuskan agar aktiviti pasar malam, tamu mingguan, pasar borong, gerai buah-buahan segar (FAMA) dan gerai-gerai terbuka ditutup berkuatkuasa serta merta.

Dalam satu kenyataan melalui Timbalan Presiden MPT, Koh Kian Leong, tujuan penutupan itu adalah untuk mencegah penularan wabak COVID-19.

Pembukaan semula kesemua pasar dan gerai yang terbabit akan dimaklumkan kelak dengan sebarang kesulitan

yang dialami sepanjang tempoh penutupan tersebut amat dikesali.

Seorang peniaga gerai yang ditemui berkata, mereka telah mendapat arahan notis itu dan akan mengikuti seperti yang dikehendaki.

"Bermula esok (Sabtu) akan ditutup untuk kerja-kerja nyah cemar difahamkan bagi membendung COVID-19," katanya yang hanya mahu dikenali sebagai Achok, 29.,

Difahamkan beberapa buah premis turut memaklumkan penutupan semestara operasi untuk menjalani proses nyah cemar melalui laman sosial Facebook

masing-masing.

Malah sebuah institusi memandu di daerah ini turut ditutup berikutan pendedahan kakitangan kepada calon yang mempunyai kontak rapat dengan COVID-19.

Seorang guru memandu di institusi berkenaan memberitahu mereka turut dikuarantin sehingga hari Isnin ini atau keputusan ujian swab yang dilakukan diperolehi.

Sehingga 11 September data menunjukkan daerah ini berada dalam zon merah susulan peningkatan kes COVID-19.



12 SEP, 2020

## COVID-19: MPT tutup aktiviti pasar malam serta merta

New Sabah Times Bahasa (KK), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

TAWAU: Majlis Perbandaran Tawau (MPT) memutuskan agar aktiviti' pasar malam, tamu mingguan, pasar borong, gerai buah-buahan segar (FAMA) dan gerai-gerai terbuka ditutup berkuatkuasa serta merta. Dalam satu kenyataan melalui Timbalan Presiden MPT, Koh Kian Leong, tujuan penutupan itu adalah untuk mencegah penularan wabak COVID-19. Pembukaan semula kesemua pasar dan gerai yang terbabit akan dimaklumkan kelak dengan sebarang kesulitan

yang dialami sepanjang tempoh penutupan tersebut amat dikesali.